

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**SEMPENA SIDANG KEMUNCAK WANITA 2013  
PADA 20 OGOS 2013  
SIME DARBY CONVENTION CENTRE**

**(Salutasi)**

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd. Yassin  
Timbalan Perdana Menteri

YABhg. Puan Sri Noorainee Abdul Rahman  
Isteri Timbalan Perdana Menteri

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun,  
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato, Datin-Datin,

*Your Excellencies and members of the diplomatic corps,*

Puan-puan dan tuan-tuan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri kerana dapat meluangkan masa untuk hadir dan seterusnya merasmikan Sidang Kemuncak Wanita 2013 pada hari yang mulia ini. Saban tahun YAB Tan Sri telah sudi menerima undangan kementerian untuk bersama kita semua. Kami amat menghargai kehadiran dan komitmen YAB Tan Sri untuk terus meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan negara.

2. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran YABhg. Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, isteri Timbalan Perdana Menteri yang sentiasa menyokong program-program anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sokongan padu ini sudah pasti memberikan dorongan kepada kami semua untuk bekerja dengan lebih gigih dalam memperkasakan golongan wanita di negara ini.

3. Saya amat teruja dengan kehadiran sebegitu ramai peserta dan sambutan yang menggalakkan untuk Sidang Kemuncak 2013.

Kehadiran puan-puan dan tuan-tuan memberi mesej yang jelas kepada saya sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa agenda pembangunan wanita akan terus menjadi perhatian semua pihak.

4. Secara tradisinya, Sidang Kemuncak Wanita merupakan program pembuka tirai kepada Hari Wanita Kebangsaan yang disambut pada 25 Ogos setiap tahun. Dalam hal ini, tahun 2013 adalah tahun ke-11 Sidang Kemuncak Wanita diadakan sejak tahun 2003.

5. Sepanjang penganjuran Sidang Kemuncak ini, pelbagai cadangan dan idea bernas yang diketengahkan oleh para peserta telah diambil kira dalam penggubalan dasar, perundangan dan program bagi mengarusperdanakan wanita dalam pembangunan negara. Langkah ini penting bagi memastikan sebarang inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah relevan dengan keadaan semasa serta memenuhi kehendak rakyat, terutamanya golongan wanita.

Hadirin yang dihormati,

6. Kita semua sedia ketahui bahawa golongan wanita berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang mengharungi landasan kerjaya mereka. Antaranya ialah sindrom siling kaca atau *glass ceiling*, *invisible women*, dan keperluan untuk menyeimbangkan antara kehendak kerjaya dengan kehidupan keluarga. Namun demikian, wanita di Malaysia sentiasa mempunyai pemikiran positif dan

kecekalan diri yang tinggi untuk menghadapi segala cabaran mengikut acuan mereka tersendiri. Sehubungan itu, saya berharap Sidang Kemuncak ini dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada kaum hawa untuk meningkatkan iltizam masing-masing bagi mencapai matlamat hidup masing-masing.

7. Selaras dengan cabaran yang saya sebutkan tadi, persekitaran yang kondusif di tempat kerja merupakan antara faktor pendorong utama yang dapat menarik lebih ramai wanita memasuki pasaran kerja dan seterusnya kekal menabur bakti demi pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini, sukacita saya umumkan bahawa **anugerah khas** iaitu ***Life at Work Award*** untuk pihak majikan akan diberikan pada pagi ini, dan disampaikan sendiri oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

8. Anugerah ini diperkenalkan untuk mengiktiraf pihak majikan yang komited dalam memastikan tempat kerja yang mesra wanita dan mesra keluarga, inklusif, mengamalkan diversiti, melaksanakan kaedah bekerja *flexible* dan menyokong dasar kerajaan berhubung penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam organisasi mereka. Sebagai makluman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menerima pencalonan daripada 21 pihak majikan. Penghakiman bagi anugerah ini melibatkan satu panel penilai pakar (untuk 70% pemarkahan) dan pandangan masyarakat umum (untuk 30% pemarkahan).

Ladies and gentlemen,

9. Work life balance has always been debated over the years in many forums, either at local, national, regional or international levels. Although relevant policies are formulated and programmes implemented by the government, what really matters is for employers - both government and the private sector - to establish appropriate measures to allow and encourage their employees to strike the balance. I am sure all of you today cannot agree more when I say a happy employee is a highly productive one. Employees particularly the Gen-Y group of both men and women are demanding that their workplace provide a balance between achieving the organisation's mission as well as concentrating on the welfare of the employees as the top priority.

10. Back to the Women Summit 2013, we have a packed and exciting summit ahead of us today. I was informed that earlier this morning, there was a **networking session among the participants** and I hope all of you have enjoyed it and will continue to get to know more people.

11. We are fortunate, once again, that our beloved Deputy Prime Minister has agreed to have the customary **dialogue session** with the participants of Women Summit 2013 right after his keynote address. I believe many of you are eagerly waiting to participate in this session, which has always been very lively from our previous experiences.

12. After the dialogue session with the Deputy Prime Minister, we have a distinguished **panel of speakers to debate** on the topic “**the perfect partner to complement your career**”. I am sure the debate will be as interesting as the subject matter.

13. After the panel session, there is a special slot by our well-known standup comedian, **Mr. Harith Iskandar**. His session is titled **It’s a Women’s World!** Following that, we will have our **first international speaker**, Miss Sally Helgesen who will speak on “**Organisations Acting on the Female Advantage**”. She is an acclaimed author, speaker and leadership consultant, a woman of her own right and a leadership guru. Miss Helgesen developed leadership programmes for acclaimed corporations such as Microsoft, IBM, ING, Hewlett Packard and many more.

14. Another international speaker that we have today is **Miss Karen Leong**. She has been recently named one of the 10 most influential professional speakers in Singapore and is a member of the Asia Professional Speakers Association. As she is also a champion for women’s leadership, I’m sure we are all excited to hear from both the international speakers.

Ladies and gentlemen,

15. The women's summit would not be complete without our breakout sessions and today we have 4 actionable breakout sessions which will leave us all with a great buzz. These sessions have thought-provoking topics.

16. After the breakout sessions, we will gather again in the plenary to hear another successful women icon, YBhg. Datin Seri Tiara Jacquelina. She will speak on **Lean In, the Malaysian Context**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Timbalan Perdana Menteri dan YABhg. Puan Sri Noorainee Abdul Rahman kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri Sidang Kemuncak Wanita 2013.

18. Kepada para peserta, saya berharap hadirin akan memperoleh manfaat daripada sesi perbincangan dan percambahan fikiran bersama penceramah dan ahli panel yang dijemput pada hari ini.

19. Semoga sidang kemuncak ini dapat menghasilkan lebih banyak cadangan untuk pertimbangan pihak kerajaan demi memperkasakan agenda pembangunan wanita di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Terkini hingga 19 Ogos 2013, 5.30pm

Wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum waramatullahi  
wabarakatuh.